



MAJLIS DAERAH TUMPAT
JALAN TANJUNG KUALA, 16200 TUMPAT, KELANTAN

KENYATAAN TAWARAN

Tawaran adalah dipelawa daripada Pemborong Bumiputera berpengalaman dan berkelayakan yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dan Majlis Daerah Tumpat di dalam bidang **mencuci dan membersihkan atau mencuci bangunan dan membersihkan kawasan** untuk melaksanakan kerja-kerja yang dinyatakan di bawah bagi tempoh **01 Januari 2025 sehingga 31 Disember 2025**.

| BIL. | KETERANGAN KERJA | SYARAT PENDAFTARAN & KELAYAKAN | PEMBAYARAN DOKUMEN |
|------|--|---|--|
| 1. | Cadangan Perkhidmatan Cucian, Membersih Dan Senggaraan Bangunan Dan Membersih Kawasan Pasar Sumayyah, Bandar Bentara Tumpat, Kelantan. MDT.D582 (02) 807/1/KLT.XIII | Berdaftar dengan Kementerian Kewangan Bidang / Sub Bidang / Pecahan Sub Bidang | RM 50.00 dalam bentuk wang tunai yang tidak akan dikembalikan. |
| 2. | Cadangan Perkhidmatan Cucian, Membersih Dan Senggaraan Bangunan Dan Membersih Kawasan Pasar Wakaf Bharu, Tumpat, Kelantan. MDT.D582 (02) 807/3/KLT.XII | Kod Bidang : 221001 221002 * Sila Bawa Sijil Asal Kementerian Kewangan | RM 50.00 dalam bentuk wang tunai yang tidak akan dikembalikan |

2. Lawatan tapak berhubung dengan sebut harga akan dijalankan pada hari **Selasa, 29hb Oktober 2024** bertempat di **Dewan Teratai, Pantai Sri Tujuh, Tumpat** bermula jam 10.00 pagi sehingga jam 11.00 pagi.

3. Kehadiran ke lawatan tapak tersebut adalah **DIWAJIBKAN** dan penyebut harga dikehendaki hadir sendiri tanpa wakil dan mengemukakan kad pengenalan, surat pendaftaran **ASAL** yang masih sah tempohnya dan dikeluarkan oleh **Kementerian Kewangan Malaysia** dan **Majlis Daerah Tumpat** untuk semakan sebelum dibenarkan menyertai lawatan tapak. Satu salinan surat pendaftaran hendaklah dikemukakan untuk simpanan Majlis Daerah Tumpat semasa hendak mengambil dokumen.


4. Dokumen sebut harga akan mula dijual bermula **03hb November 2024 sehingga 11hb November 2024** dengan harga RM 50.00 senaskah pada hari bekerja (Ahad - Khamis) dari jam 9.00 pagi hingga jam 3.00 petang di Bahagian Kebersihan Majlis Daerah Tumpat. Dokumen sebut harga hanya akan dijual kepada penyebut harga yang hadir ke lawatan tapak untuk sesi taklimat dan penerangan sebut harga sahaja.

5. Dokumen tawaran yang telah disempurnakan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang berlakri/bermeteri, jenis tawaran kerja dan nombor tawaran (sebut nama pasar berkenaan) hendaklah dinyatakan di muka depan sampul surat tersebut dengan terang dan jelas serta di alamatkan kepada **Tuan Yang Dipertua, Majlis Daerah Tumpat, Jalan Tanjung Kuala, 16200 Tumpat, Kelantan** atau dimasukkan terus ke dalam peti sebut harga yang disediakan di Pejabat Majlis Daerah Tumpat.
6. Dokumen tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam peti sebut harga sebelum atau pada hari **Isnin, 18hb November 2024 sebelum jam 12.00 tengahari**.
7. Majlis tidak akan terikat untuk menerima tawaran terendah sekali dari mana-mana tawaran.
8. Lawatan tapak adalah diwajibkan dan dijadualkan pada hari **Selasa, 29hb Oktober 2024 bertempat di Dewan Bunga Teratai, Pantai Sri Tujuh, Tumpat bermula jam 10.00 pagi sehingga jam 11.00 pagi**.

Sekian, terima kasih.

“ISLAM MEMBIMBING, RAJA MEMIMPIN, NEGERI DIBERKATI”
“SEMOGA ALLAH MELINDUNGI TUANKU DUNIA DAN AKHIRAT”

Saya yang menjalankan amanah,



(FIESAL BIN ABDULLAH)
Setiausaha
b.p. Yang Dipertua
Majlis Daerah Tumpat

Ruj. Fail: MDT.D582 (02) 807/1/KLT.XIII
MDT.D582 (02) 807/3/ KLT.XII

Bertarikh : 15hb Oktober 2024

s.k: Semua Yang Dipertua
Majlis-Majlis Daerah, Kelantan

Semua Ketua-ketua Pejabat/Jabatan

Semua Ahli Majlis
Majlis Daerah Tumpat